

MENYOROTI BAHASA-BAHASA AUSTRONESIA DI PINGGIR UTARA ALAM MELAYU: BAHASA FORMOSA DI PULAU TAIWAN

*(EXPLORING AUSTRONESIAN LANGUAGES IN THE NORTHERN
PERIPHERAL MALAY WORLD: FORMOSA LANGUAGES ON TAIWAN
ISLAND)*

Chong Shin

Abstrak

Pulau Taiwan selain didiami oleh penduduk Cina yang membentuk kelompok majoriti, pulau ini juga dihuni oleh suku-suku pribumi yang berbahasa Austronesia. Cabang bahasa Austronesia ini, yang juga dikenali sebagai Bahasa Formosa penting dalam disiplin ilmu linguistik sejarawi Austronesia kerana berperanan penting dalam merekonstruksi bunyi-bunyi Austronesia purba, dan membangunkan hipotesis tanah asal bahasa Austronesia. Di pulau yang terpinggir ini, tiga daripada empat cabang bahasa Austronesia adalah terletak di Pulau Taiwan. Namun demikian, ramai sarjana di luar Pulau Taiwan kurang mengenali, bahkan tidak sedar tentang kehadiran suku-suku Austronesia di wilayah pinggir Alam Melayu ini. Bertitik tolak dari permasalahan ini, makalah ini bertujuan menyoroti bahasa Formosa daripada aspek jenis variasi dan persebarannya, membuat perbandingan dengan bahasa Melayu dan menyingkapkan gejala kepupusan bahasa ini dengan sumber daripada kajian kepustakaan. Secara keseluruhan, makalah ini telah membentangkan bahawa terdapat 18 suku Formosa yang utama di Taiwan, bahasa ini menunjukkan hubungan kekerabatan yang jauh dengan bahasa Melayu dan sedang berada di tahap yang pupus. Sebahagian besar bahasa ini telah pun lenyap dan hanya wujud dalam rekod dokumentasi.

Kata kunci: Bahasa Formosa, Austronesia, Taiwan, persebaran, kepupusan bahasa

Abstract


Taiwan is inhabited by a significant majority of Chinese population, in addition to a few Austronesian speakers. Formosan languages, a branch of Austronesian spoken by native populations, are crucial to Austronesian comparative linguistic studies such proto sound reconstruction and the establishment of the homeland hypothesis for the Austronesian languages. Three out of the four Austronesian branch languages are spoken on Taiwan, an island that is relatively small and insular. In reality, Formosan Austronesian languages are unfamiliar to scholars outside Taiwan Island, and many of them were not aware of the existence of this tribe in the northern archipelago's peripheral region. Based on the stated topic, this article attempts to look into the Formosan languages by emphasizing on their variation and distributions, offering a fundamental comparison with the Malay language, and observing the progression of language extinction in Taiwan with secondary sources.

Overall, this article has demonstrated that there are 18 Formosan tribes that have been recorded in Taiwan. The Formosan language is closely linked to Malay and is listed as endangered. Many of the Formosan tribes have disappeared entirely and are only known through written documents.

Keywords: *Formosan languages, Austronesian, Taiwan, distribution, language extinction*

PENGENALAN

Alam Melayu merupakan sebuah wilayah yang luas terbentang di atlas dunia. Lingkungannya mencakupi Pulau Ester di ribuan kilometer ke arah timur samudera Pasifik dan di Pulau Madagascar ke arah barat lautan Hindi. Di bahagian utara, wilayah ini bermula dari Pulau Taiwan hingga ke New Zealand di bahagian selatan; lihat Peta 1. Bahasa penutur asli di lingkungan ini tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Perkataan “Austronesia” berasal daripada bahasa Greek, iaitu *Auster* yang bermaksud angin selatan dan *nēsos* bererti kepulauan. Dengan itu, *Austernēsos* dapat ditafsirkan sebagai “kawasan kepulauan di bahagian selatan benua Asia”. Menurut Himmelmann & Adelaar (2013), rumpun bahasa Austronesia mempunyai lebih kurang 1,200 cabang bahasa dan dituturkan oleh lebih kurang 270 juta penutur. Rumpun bahasa ini merupakan rumpun bahasa yang mengandungi cabang bahasa terbesar di dunia (sekitar 20% daripada bahasa di dunia berada dalam rumpun bahasa ini). Dari segi persebaran geografi, lingkungan yang berbahasa Austronesia merupakan wilayah yang kedua luas di dunia, selepas lingkungan persebaran bahasa Indo-Eropah. Kenyataan ini jelas menggambarkan bahawa alam Melayu merupakan sebuah wilayah yang berdiversiti dari segi jumlah bahasa Austronesia dan suku etnik. Kawasan berpenutur bahasa Austronesia yang lazim dikenali masyarakat ialah seperti Indonesia, Filipina, Selatan Thai, Champa, Semenanjung Tanah Melayu dan Sabah, Sarawak, kepulauan Soloman, Tonga, Fiji, Hawaii, Afrika Selatan dan sebagainya. Pada hakikatnya, penggunaan frasa “bahasa Austronesia” sebagai terminologi untuk bahasa dan dialek di alam Melayu bersifat umum dan kurang informatif. Ini kerana setiap suku etnik di alam Melayu mempunyai terminologi bahasa yang tersendiri dan jumlahnya dianggarkan mencecah ribuan jenis variasi. Sehingga kini belum ada statistik yang berupaya menjumlahkan jenis variasi bahasa di alam Melayu dengan tepat. Antara bahasa dan dialek yang sering kita dengar adalah seperti bahasa Tagalog, bahasa Jawa, Sunda, Madura, Sepa, dialek-dialek Melayu, bahasa Iban, bahasa Bidayuhik, bahasa Champa, bahasa Batak, Sasak dan sebagainya. Dalam setiap bahasa ini, dibahagi lagi kepada berbagai jenis dialek yang tersebar mengikut letakan geografi yang berbeza. Makalah ini menyajikan pengenalan tentang satu cabang bahasa Austronesia di pinggir lingkungan Alam Melayu, iaitu Pulau Taiwan. Terdapat lima bahagian terkandung dalam makalah ini, iaitu 1) Pengenalan; 2) Permasalahan Kajian, 3) Bahasa Austronesia di Taiwan dan persebarannya; 4) Perbandingan Bahasa Formosa dengan Bahasa Melayu; 5) Fenomena kepunahan bahasa; dan, 6) Kesimpulan.



Peta 1.

Lingkungan Alam Melayu dan Kedudukan Pulau Taiwan

Sumber: Li, 2004a

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam bidang linguistik komparatif atau sejarawi alam Melayu, rujukan ilmiah yang bersumberkan bahasa Formosa di Taiwan sering muncul sebagai contoh dalam tulisan, terutamanya aspek merekonstruksi bahasa purba Austronesia. Justeru kerana data tersebut hanya dipetik sebagai contoh dalam sesebuah karangan, maka sumber yang lebih lanjut dan berbagai tentang bahasa ini sangat terbatas. Permasalahan ini turut dihadapi oleh masyarakat dan sarjana linguistik sejarawi di Malaysia, iaitu terdapat stereotaip umum bahawa Pulau Taiwan merupakan sebuah negara yang berpenduduk Cina, dengan mengabaikan kehadiran suku Austronesia tersebut. Di samping itu, gambaran lain terhadap pulau ialah sering berlaku konflik politik dengan negara China dari segi kedaulatan negara, berita tentang ribut angin taufan dan gempa bumi. Karya-karya tentang bahasa Formosa ini sesungguhnya sukar diperoleh dalam perpustakaan di Malaysia kerana kebanyakan hasil terbitan adalah dalam bahasa Mandarin dan hanya disebar di Pulau Taiwan sahaja.

Pada hakikatnya, pulau yang sering disalah tafsir sebagai pulau yang berpenduduk Cina ini sebenarnya dihuni oleh penutur yang berbahasa Austronesia Formosa. Ramai tidak ketahui bahawa penduduk asal yang mendiami Pulau Taiwan adalah suku-suku pribumi Austronesia dan suku Cina hanya mula bermigrasi secara besar-besaran pada abad ke-17. Dari segi rupa fizikal, golongan pribumi Taiwan berkulit sawo matang sama seperti penduduk di pelosok alam Melayu yang lain. Cabang bahasa yang mereka tuturkan, iaitu bahasa Formosa penting dalam disiplin ilmu dialektologi dengan terbinanya hipotesis bahawa tanah asal bahasa Austronesia berasal dari kawasan ini; lihat misalnya kajian Dyen (1956), Bellwood (1991) dan Blust (2013). Namun demikian, bahasa di pulau berkenaan sebahagiannya telah pupus dan sebahagian kini berada dalam tahap yang bahaya dengan penuturnya semakin berkurangan saban tahun.


Dari segi salasilah bahasa, tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan bahasa Melayu berada di bawah cabang Melayo-Polinesia, dalam rumpun bahasa Austronesia. Sebagai bahasa yang berketurunan daripada satu induk yang sama, sudah pasti terdapat hubungan bahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa Formosa, yang juga terletak di bawah cabang induk bahasa Austronesia; lihat Rajah 1. Namun demikian, sejauh manakah persamaan bahasa Melayu di Malaysia dengan bahasa Formosa yang jauh tersebar di kawasan utara pinggir Alam Melayu? Makalah ini cuma menyingkap seimbis lalu hubungan tersebut berdasarkan tinjauan pustaka yang dilakukan di Akademi Sinica, Taipei. Makalah ini berdasarkan sumber sekunder daripada kajian pustaka kerana kekangan kewangan untuk melakukan penelitian di Pulau Taiwan. Oleh kerana bersifat kajian pustaka, semua bahan yang dirujuk telah dinyatakan sumbernya dengan jelas, baik rujukan yang dalam bahasa Mandarin mahu pun dalam bahasa Inggeris. Makalah ini dihasilkan dengan tiga objektif yang utama, iaitu 1) memperkenalkan bahasa Austronesia Formosa kepada pembaca dari Nusantara yang kurang sumber rujukan tentang bahasa berkenaan, 2) membuat analisis perbandingan ringkas terhadap perbezaan dan persamaan bahasa Formosa dengan bahasa Melayu, dan 3) meningkatkan kesedaran bahawa bahasa Formosa yang serius diancam kepupusan perlu dilestarikan dan didokumentasikan.

BAHASA AUSTRONESIA DI PULAU TAIWAN DAN PERSEBARANNYA

Menurut Blust (2013), bahasa Austronesia di alam Melayu dapat dibahagikan kepada 10 subcabang yang utama, seperti dalam Jadual 1 dan Rajah 1 berikut:

Jadual 1. Subcabang Bahasa Austronesia di Alam Melayu

1. Atayalik (Taiwan)	6. Tsouik (Taiwan)
2. Formosa Timur (Taiwan)	7. Bunun (Taiwan)
3. Puyuma (Taiwan)	8. Dataran Barat (Taiwan)
4. Paiwan (Taiwan)	9. Formosan Barat Daya (Taiwan)
5. Rukai (Taiwan)	10. Malayo-Polynesia (extra-Formosan)



Rajah 1. Subcabang rumpun bahasa Austronesia di dalam dan luar Pulau Taiwan

Dari segi linguistik sejarawi, faktor bahasa Formosa di Pulau Taiwan menarik perhatian para sarjana linguistik Austronesia kerana pulau yang seluas 35,801 km persegi ini mengandungi sembilan subcabang bahasa Austronesia, berbanding dengan lingkungan di luar pulau yang kesemua bahasanya hanya tergolong dalam keluarga subcabang Melayo-Polinesia. Dalam erti kata lain, meski pun wilayah alam Melayu luas terbentang (lihat Peta 1), namun dari segi tipologi linguistik dan linguistik komparatif, kesemua variasi bahasa di luar Pulau Taiwan adalah kelompok bahasa dalam cabang bahasa Melayo-Polinesia. Di dalam Pulau Taiwan yang kecil ini, sebaliknya terkandung sebanyak sembilan subcabang bahasa Austronesia. Maka, dari sudut linguistik, Pulau Taiwan dihipotesiskan sebagai tanah asal bahasa Austronesia oleh para sarjana pada abad ke-20 berdasarkan diversiti subcabang Austronesia yang terdapat di pulau ini.


Pulau Taiwan (atau Pulau Formosa yang bermaksud “pulau yang indah”) dihuni oleh dua suku utama, iaitu suku Austronesia dan suku Han (Cina). Antaranya, suku Austronesia merupakan penduduk asal dan digelar sebagai “*the little black men*” oleh orang Portugis, ketika mereka mendarat di pulau tersebut pada tahun 1498 (Dyen, 1971). Mula abad ke-17, Pulau Taiwan kian dibanjiri oleh pendatang dari daratan besar China kerana malapetaka (kemarau berpanjangan), peperangan, ketidaksuburan tanah dan sebagainya di tanah asal mereka. Di samping itu, peranan pihak Belanda yang menjajah Pulau Taiwan pada ketika itu juga mendorong perpindahan suku Cina. Menurut laporan *Batavia Diary* (2 April 1631), Syarikat India Timur Belanda pernah menghantar kapal mengangkut orang-orang Cina ke Taiwan untuk bekerja sebagai buruh-buruh di ladang tebu (Chen 1972).

Selepas kejatuhan dinasti tersebut ke tangan Manchuria (yang menubuhkan Dinasti Ching), panglima dari mantan Dinasti Ming, iaitu Zheng Cheng Kung 郑成功 telah mengetuai armada tentera dan berkali-kali cuba melancarkan serangan ke atas bahagian utara wilayah Ching. Pada bulan Mei 1659, Zheng membuat serangan lagi untuk menakluki wilayah yang diperintah oleh Dinasti Ching tetapi gagal. Menyedari tentang tentera Ching telah bertapak kukuh di bahagian utara China dan markas beliau akan diserang pada bila-bila masa, Zheng mengambil keputusan untuk menakluki Taiwan yang pada ketika itu merupakan tanah jajahan Belanda dan menjadikan Taiwan sebagai markas tentera yang baru. Pada tahun 1661, Zheng telah melakukan serangan ke atas Taiwan dan pada tahun berikutnya, beliau berjaya menakluki Taiwan dan mendirikan pusat pemerintahan baru di pulau tersebut (Sumber: <http://www.zhengchenggong.org>). Selepas menduduki pulau tersebut, migrasi orang Cina ke Taiwan bertambah ramai dan dianggarkan mencecah kira-kira 120,000 orang. Jumlah ini meningkat lagi pada zaman Dinasti Ching. Pada zaman pendudukan Jepun (1895), populasi Cina di Taiwan dilaporkan telah mencecah 2,500,000 orang (Chen 1972). Justeru kerana demografi populasi adalah antara penyebab kepunahan suatu bahasa (Wolfram 2000), pertumbuhan populasi Cina di Taiwan telah memberi kesan kepada bahasa-bahasa Formosa, iaitu mengakibatkan kepunahan dan kepupusan bahasa tersebut.

Menurut Li (2004a), hampir setengah daripada bahasa Austronesia di Taiwan telah pupus sejak dua abad yang lalu—bahasa yang wujud sekarang pula kian terancam punah. Sehubungan dengan itu, adalah agak sukar untuk mengklasifikasikan jumlah bahasa Austronesia yang wujud atau pun pernah wujud di pulau ini. Berdasarkan sumber penelitian yang ada, bahasa Austronesia di Pulau Taiwan adalah seperti dalam Jadual 2 berikut (Li, 2004b):

Jadual 2. Kelompok Bahasa Formosa (Austronesia) di Taiwan

1. Atayalik (Altayal, Seediq)	10. Kavalan
2. Tsouik (Kanakanavu, Saaroa)	11. Ketangalan (Basay)
3. Rukai (Mantauran, Maga, Budai)	12. Taokas
4. Bunun (Iskubun, Takituduh, Takibajha, Takbunuaz, Takivatan)	13. Papora
5. Paiwan	14. Babuza
6. Puyuma	15. Pazeh
7. Saisiyat	16. Haonya
8. Amis	17. Siraya
9. Yami	18. Thao



Peta 2. Distribusi Bahasa-bahasa Austronesia di Taiwan

Sumber: Li 2004a

Pada umumnya pengkaji Austronesia Taiwan cenderung mengklasifikasikan penutur bahasa Austronesia kepada dua golongan, iaitu suku pergunungan dan suku dataran. Daripada Jadual 2, penutur kelompok bahasa (1) hingga (9) terdiri daripada suku pergunungan manakala (10)-(18) merupakan suku dataran; Lihat Li (2004b). Suku pergunungan didapati masih agak primitif dan tradisi, kebudayaan serta corak kehidupan mereka masih dikekalkan, begitu juga dengan bahasa. Ini berbeza dengan suku dataran yang telah berasimilasi dengan suku Cina (*sinifikasi*) hasil hubungan dengan komuniti Cina. Proses *sinifikasi* ini berlaku melalui perkahwinan campur, pendedahan terhadap pendidikan, corak sosial, kehidupan, kebudayaan, bahasa, memeluk agama kepercayaan Cina dan sebagainya. Secara khusus, dalam aspek keagamaan, misalnya suku Siraya dilaporkan pernah mengubah agama daripada kepercayaan animisme ke agama Protestan (pada zaman Belanda), dan kemudian mengikuti¹ kepercayaan masyarakat Cina (iaitu Taoisme dan Konfucu) (Yie 1999). Sinifikasi suku dataran juga dapat dilihat dari segi perubahan sistem penamaan (*naming system*). Suku Saisiyat dilaporkan telah menggunakan *marga* (nama keluarga) Cina sejak zaman Dinasti Ching lagi. Maharaja Ching, Qian Long 乾隆 bahkan menganugerahkan suku dataran dengan marga Cina² dan mewajibkan mereka mengikuti adat Manchuria, iaitu bertocang. Penganugerahan marga merupakan satu pengiktirafan Maharaja terhadap ketamadunan suku dataran (Ling 1997).

SEKILAS CONTOH PERSAMAAN LEKSIKAL BAHASA FORMOSA DAN BAHASA MELAYU

Dalam konsep linguistik perbandingan (atau linguistik sejarawi), jika dua bahasa berada di cabang bahasa yang sama, bahasa-bahasa tersebut mempunyai hubungan kekerabatan yang erat. Sebaliknya, jika berada di cabang yang berbeza, bahasa-bahasa tersebut berhubungan sangat jauh. Frasa “sangat jauh” di sini bermaksud kedua-duanya masih memperlihatkan hubungan tertentu tetapi tidak menyeluruh, misalnya hanya kosa kata dan sebutan tertentu sahaja yang memaparkan kemiripan. Sebagai contoh, bahasa Iban dan bahasa Melayu yang masing-masing menduduki cabang Ibanik dan Melayik, menunjukkan kelainan kosa kata adjektif “mentah”, iaitu [mata'] (Iban) dan [mentah] (Melayu).

Begitu juga kalau kita membandingkan bahasa-bahasa Formosa di Taiwan dengan bahasa Melayu, perbandingan sukar dilakukan kerana bahasa Melayu menduduki subcabang bahasa Melayo-Polinesia (lihat Rajah 1). Kedua-dua bahasa yang berada dalam cabang berlainan ini mempunyai retensi dan inovasi bunyi yang tersendiri dari bahasa Austronesia Purba. Namun demikian, justeru kerana berasal daripada rumpun bahasa yang sama, beberapa persamaan kosa kata antara bahasa Formosa dengan bahasa Melayu masih dapat dijejaki. Jadual 3 berikut memaparkan data-data tersebut.

Jadual 3. Persamaan Sesetengah Kosa Kata Formosa dengan Bahasa Melayu

No.	Bahasa Melayu	Bahasa-bahasa Formosa ³
1)	Mata	mata (Basay), mata' (Kavalan)
2)	Betina	tina “emak” (Basay)
3)	Enam	anem (Basay), nem (Trobiawan), nem (Linaw)
4)	Empat	sepat (Basay), sepat (Trobiawan), sepat (Linaw)
5)	Layar	rayar (Basay)
6)	Muntah	uttaa (dialek Maga, Rukai), utaq (Seediq), putaq (Atayal)
7)	Kakak	kakáa “adik beradik” (dialek Maga, Rukai), kakaa ‘adik beradik’ (Paiwan)
8)	Makan	kaan (Thao), ekan (Seediq)
9)	Gali	kari (Seediq)
10)	Jarum	rom (dialek Squliq, Atayal), raum (dialek C’uli’, Atayal)
11)	Bulan	buran (Kavalan), bucan (Basay), vucan (Trobiawan)
12)	Hujan	‘uzan (Kavalan), ulan (Basay), ucan (Trobiawan)
13)	Tetak	taktak (kavalan)

14)	Susu	sisu' (Kavalan)
15)	Atap	atak (Seediq)
16)	Datuk = aki	baki (Basay), vaki (Trobiawan)
17)	Lembu	kalabaw (Ketagalan)
18)	Bilang	bilang (Ketagalan), vilang (Kavalan)
19)	Arak	raaq (Ketagalan), raaq (Kavalan)
20)	Darah	dara' (Seediq)

FENOMENA KEPUNAHAN BAHASA


Blust (2013) pernah membuat satu klasifikasi tentang fenomena kepunahan bahasa-bahasa Austronesia dari segi bilangan penuturnya di Taiwan, seperti Jadual 4 di bawah. Walaupun data yang ditampilkan berikut bukan data yang terkini, namun sekurang-kurang dapat menggambarkan status bahasa Formosa di Pulau Taiwan kira-kira 20 tahun yang lepas. Sebelum ini, memang sudah ada perhitungan tentang bilangan penutur bahasa Formosa di Taiwan, seperti kajian Tsuchida (2000) dan Friedman (2005), namun data dari tulisan Blust (2013) lebih terperinci menggambarkan situasi kehilangan bahasa Formosa di pulau tersebut.

Jadual 4. Bilangan Populasi Penutur Formosa di Taiwan (Blust 2013).

No.	Bahasa	Subkelompok	Bilangan Penutur
1.	Amis	Formosa Timur	165,579 (2004)
2.	Atayal	Atayalik	88,288 etnik (2004) 63,000 penutur (1993)
3.	Paiwan	Paiwan	77,882 etnik (2004) 53,000 penutur (1981)
4.	Bunun	Bunun	45,796 etnik (2004) 34,000 penutur (1993)
5.	Puyuma	Puyuma	9,817 etnik (2004) 7,225 penutur (1993)
6.	Atayal	Atayalik	24,000 etnik (2008)
7.	Tsou	Tsouik	5,797 etnik (2004) 5,000 penutur (1982)
8.	Saisiyat	Formosa Barat Laut	5,458 etnik (2004) 3,200 penutur (1978)
9.	Yami	Melayo-Polinesia, Bashiic	3,255 etnik (2004) 3,000 penutur (1994)
10.	Rukai	Rukai	11,168 etnik (2004)
11.	Kavalan	Formosa Timur	732 (2004)
12.	Thao	Dataran Barat	530 etnik (2004) 15 penutur (1999)
13.	Kanakanabu	Tsouik	250 etnik (2000) 6-8 penutur (2012)
14.	Saaroa	Tsouik	300 etnik (2000) 5-6 penutur (2012)
15.	Pazeh	Formosa Barat Laut	200 etnik? Penutur terakhir meninggal pada tahun 2010
16.	Babuza/Favorlang	Dataran Barat	Pupus
17.	Basay	Formosa Timur	Pupus
18.	Trobiawan	Formosa Timur	Pupus
19.	Hoaya	Dataran Barat	Pupus
20.	Luilang	Formosa Timur	Pupus
21.	Kulon	Formosa Barat Laut	Pupus
22.	Papora	Dataran Barat	Pupus

23.	Siraya	Formosa Timur	Pupus
24.	Taokas	Dataran Barat	Pupus

Berdasarkan klasifikasi yang dibuat oleh Blust (2013), jelas bahawa terdapat 9 bahasa Austronesia di Taiwan yang telah pupus dan selebihnya mengalami penurunan dari segi bilangan penutur. Sesungguhnya, sesetengah bahasa ini sukar ditelusuri lagi dan gejala kepunahan bahasa Austronesia berlaku secara drastik. Contohnya: (1) Li (2004c) melaporkan bahawa pada tahun 1982, beliau hanya mampu merekodkan 28 kata / frasa dari beberapa penutur bahasa Taokas di kampung Houlong; (2) Tsuchida (1991) mengatakan informan penutur Taokas yang beliau wawancara hanya mampu mengingati sepatah bahasa Taokas sahaja, iaitu [gyakaw] ‘arak’; (3) data bahasa suku Quaquat yang ada cuma 10 kata bilangan sahaja (dicatat oleh Namikoshi (1924 dlm Tsuchida (1992)) kerana 11 keluarga suku Quaquat yang dilaporkan wujud pada tahun 1872, tidak dapat dijejaki lagi pada abad ke-19 (Li 2004b); (4) Pada tahun 1970, hanya seorang penutur Hoanya sahaja yang berjaya ditemui oleh Li (1997) semasa melakukan kajian. Penutur yang berusia 87 tahun itu hanya ingat 4 patah perkataan Hoanya, iaitu [bubu] ‘nenek’, [‘aki] ‘datuk’, [luang] ‘kerbau’ dan [puceng] ‘hantu’; dan, 3 ayat iaitu /’aki ‘aki o:/ (oh! Datuk), /sumusumu mua/ (cepat pergi) dan /tao tao mua/ (tangkap dengan jala). Kepupusan bahasa Austronesia di Taiwan bukan sahaja berlaku kepada bahasa lisan sahaja. Bahasa Siraya yang mempunyai sistem otografi (dirumikan) juga dilaporkan telah pupus sejak 200 tahun yang lalu. Pada zaman penjajahan Belanda, bahasa ini digunakan dengan meluas dalam agama Protestan dan surat pajak dan pinjaman (Li 2000); Lihat Ilustrasi 1.



Rajah 2. Contoh Surat Pajak Bahasa Siraya dalam Ejaan Rumi (Sumber: Murakami 1933)

Jadual 5 berikut menggariskan beberapa bahasa-bahasa Austronesia yang dilaporkan terancam punah berdasarkan sumber pustaka yang ada⁴.

Jadual 5: Gejala Kepunahan Beberapa Bahasa-bahasa Austronesia di Taiwan

Bahasa / Dialek	Fenomena Kepunahan
Atayal	Golongan dewasa masih menguasai bahasa Atayal dengan agak baik. Namun generasi muda kian lemah dari aspek penguasaannya (Zhang 1998).
Saisiyat (Daerah Xinzhu dan Miaoshu)	Mereka masih menguasai bahasa Ibunda mereka. Akan tetapi dalam interaksi harian, mereka kerap menggunakan bahasa Atayal ataupun bahasa Hakka (Li 2004b).
Tsouik—Saalua	Berada di ambang kepupusan kerana dilaporkan penduduk lebih menggunakan bahasa Bunun dan Hokkien (Li 2004b).
Rukai	Menurut Tsuchida (2000) terdapat kira-kira 10,000 orang penutur sahaja.
Puyuma	Mengandungi lebih kurang 10,000 orang penutur sahaja (Tsuchida 2000).
Amis—Sakizaya	Hanya golongan tua sahaja (wanita) yang masih ingat dialek ini (Li 2004b).
Kavalan	- Tiada penutur Kavalan lagi di tanah asal Kavalan iaitu dataran Langyang kerana sinifikasi. -Suku Kavalan di daerah Kariwan masih menggunakan bahasa Kavalan, terutamanya golongan dewasa. Bahasa ini hanya digunakan sesama suku mereka sahaja. Dengan orang luar, mereka berbahasa Amis, Mandarin dan Hokkien (Li 2004b).
Thao	Digunakan di kalangan saudara-mara, ahli keluarga dan kenalan yang akrab (Tsuchida 1991).
Yami	Bahasa ini masih digunakan meluas terutamanya di Pulau Orchid. Namun golongan muda dilaporkan kian lemah menguasai bahasa ini (Li 1989)

Daripada huraian di Jadual 5, ternyata sinifikasi merupakan penyebab kepunahan dan kepupusan bahasa. Ramai penutur bahasa ini dilaporkan berdwibahasa dengan menguasai bahasa Sino-tibet, selain bahasa Ibunda mereka. Sesungguhnya suku-suku Austronesia di Taiwan berbahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan dan berbahasa Hokkien serta Khek dalam interaksi harian kerana kedua-dua bahasa ini merupakan *lingua franca* di Taiwan. Berikut memaparkan empat kajian tentang sikap penutur bahasa Austronesia terhadap bahasa ibunda mereka dan bahasa Sino-tibet.

Kajian Kes I: Kajian Zhang (1998)

Kajian sikap bahasa terhadap empat informan Atayal golongan kelas bawahan (berumur antara 36-40 tahun) ini menemukan bahawa pada umumnya informan ini fasih berbahasa Atayal tetapi tahap kompetensi tidak setanding dengan generasi sebelumnya. Di rumah, mereka berbahasa Atayal dengan ibu bapa. Dengan anak-anak, mereka berbahasa Atayal tapi bercampur kod bahasa Mandarin. Menurut mereka, bahasa Atayal tidak memainkan peranan di tempat kerja kerana bahasa Mandarin dan Hokkien lazimnya digunakan sebagai bahasa komunikasi.

Kajian Kes II: Zhang (1996)

Kajian ini melaporkan dua kes yang menunjukkan pembelajaran bahasa Mandarin atau pun bahasa Hokkien digalakkan oleh ibu bapa. Kes pertama melibatkan seorang suku Atayal. Menurut informan ini, sebelum memasuki sekolah rendah, dia fasih berbahasa Atayal. Namun sejak belajar di sekolah rendah, bapanya menggalakkannya belajar bahasa Mandarin. Begitu juga dengan informan Puyuma. Bapanya sengaja berpindah dari kampung ke Taitong (bahagian timur Taiwan) supaya dia dapat mempelajari bahasa Hokkien dan Mandarin daripada masyarakat sekeliling. Penggunaan bahasa Puyuma tidak digalakkan di dalam rumah lagi. Bapa dan datuknya yang tahu berbahasa

Hokkien sentiasa berbahasa Hokkien dengannya. Satu persamaan dari kedua-dua kes ini ialah ibu bapa mereka memandangkan bahasa Mandarin mempunyai nilai ekonomi daripada bahasa ibunda mereka sendiri.

Kajian Kes III: Li (1989)

Kes ini diperolehi dari kajian Li (1989). Beliau menghuraikan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan lima subsuku Yami di Pulau Orchid, iaitu Imurud, Izatay, Yayu, Ivalinu dan Izazalay.

1. Imurud - Suku ini paling awal menerima pengaruh luar. Anak-anak kecil kurang menguasai bahasa Yami. Mereka berbahasa Mandarin di rumah dan sekolah.
2. Izatay – Situasi ini sama seperti suku Imurud. Mereka juga paling awal menerima pengaruh luar. Bahasa ibunda anak-anak tempatan adalah bahasa Mandarin. Mereka hanya mempelajari bahasa Yami semasa di sekolah menengah kerana terdapat kelas pembelajaran bahasa Yami.
3. Yayu - Anak-anak suku ini tidak beberapa fasih bahasa Yami. Di sekolah, mereka berbahasa Mandarin dan di rumah mereka berbahasa Yami bercampur dengan kod bahasa Mandarin. Remaja-remaja Yayu di peringkat sekolah menengah hanya mengetahui bahasa Yami yang ringkas dan memahami bahasa ini ketika orang-orang tua menuturkannya, tetapi tidak mampu mengucapkannya. Anak-anak muda yang belum masuk sekolah menengah didapati sangat lemah berbahasa Yami. Hanya golongan yang berumur 40 tahun ke atas yang tahu menyanyikan lagu traditional Yami.
4. Ivalinu – Penutur dialek ini mampu bertutur bahasa Yami dengan baik. Walaupun anak-anak muda berbahasa Mandarin di sekolah tetapi mereka berbahasa Yami di rumah.
5. Izazalay – Dialek Yami dipertahankan dengan baik. Anak-anak muda berbahasa Mandarin di sekolah, tetapi berbahasa Yami di rumah. Dengan golongan tua, mereka mampu berkomunikasi dengan lancar.

Kajian Kes IV: Hong & Zheng (1989)

Kajian ini memaparkan sikap positif ibu bapa penutur bahasa Austronesia terhadap pengajaran bahasa-bahasa ini di sekolah. Ini berlawanan dengan ibu bapa daripada suku Amis dan Yami. Didapati hampir 80% daripada mereka tidak bersetuju dengan pengajaran bahasa ibunda di sekolah. Alasannya ialah: (1) ia membebankan pelajar; (2) bahasa ibunda tidak dapat dimanfaatkan di alam pekerjaan (3) sudah memadai jika bahasa ini diajarkan dalam keluarga. Menurut Hong & Zheng (1989), faktor utama ibu bapa bersikap negatif adalah kerana bahasa Yami dan Amis tidak berperanan dalam sektor ekonomi. Penambahan mata pelajaran tambahan ini hanya membebankan anak-anak mereka.

Daripada kes di bahagian 4.1, 4.2 dan 4.3, jelas terdapat kompetensi yang berbeza dari segi penguasaan bahasa ibunda berdasarkan peringkat umur. Gejala kurang kompetensi bahasa ibunda paling ketara berlaku pada golongan muda. Pendek kata, daya tahan bahasa Austronesia di Taiwan bergantung kepada generasi muda. Bahasa komunikasi harian golongan muda bukan sahaja kian beralih ke bahasa Mandarin, Hokkien atau Khek, bahkan juga ditemui mengalami perubahan dalam sistem linguistik bahasa itu sendiri. Menurut Li (1982), dalam sebutan dialek Atayal (Skikun dan Mnawyan), golongan pemuda menyaksikan perubahan rumus fonologi iaitu bunyi labial pada akhir kata berubah menjadi bunyi velar. Begitu dengan golongan muda penutur dialek Atayal-Matabaray, Mayrinax dan Inago, mereka mengubah seluruh atau sesetengah bunyi /-g/ kepada /-w/ ataupun /-y/. contohnya:

Bunyi bilabial > Velar

	54 tahun	32 tahun
qatap 'gunting'	-p	-k
pshup 'hisap'	-p	-k
qmalup 'memburu'	-p	-k
rom 'jarum'	-m	-ng
qmtam 'menelan'	-m	-ng

/-g/ > /-w/ atau /-y/

63 tahun	50 tahun	Erti
mwayag	mwayaw	memilih
rumag	rumaw	menolong
takayug	takayuw	lubang
mabazig	mabaziy	membeli
mabahig	mabahiy	saling bertumbuk
vanig	vahiy	rotan

Persoalan, adakah perbezaan fonologi yang ditunjukkan dalam bahasa Atayal golongan pemuda suatu gejala “*discontinuities in the grammars of successive generations*” seperti yang diuraikan oleh Profesor Li (1982) ataupun ianya satu gejala kepunahan bahasa? Contoh di Ocracoke, England (Wolfram 2000) mungkin boleh dijadikan renungan. Dalam dialek Inggeris Pulau Ocracoke, /ai/ seperti dalam kata *tide*, *time* menyaksikan kenaikan nucleus, seperti [Λ¹] ataupun [ə¹], dan /au/ dengan kenaikan nucleus dan pendepanan geluncuran (*fronted glide*) seperti dalam [hæ¹s] untuk kata *house* dan [bæ¹n] untuk kata *brown*. Peningkatan pendatang dari luar pulau ini (hasil perkembangan industri pelancongan) didapati telah memusnahkan dialek tempatan dan penyebutan traditional untuk kedua-dua diftong ini (di pulau ini) telah hilang dalam kalangan generasi muda.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, makalah ini telah merungkai variasi-variasi bahasa Austronesia yang dituturkan di Pulau Taiwan daripada aspek kedudukan linguistik dalam cabang bahasa Austronesia. Hasil tinjauan mendapati bahawa antara sepuluh bahasa turunan Austronesia yang dituturkan di lingkungan alam Melayu, terdapat sembilan cabang bahasa Austronesia yang dituturkan di Pulau Taiwan. Hanya satu cabang sahaja, iaitu Melayo-Polinesia dituturkan di luar pulau berkenaan dan cabang ini merupakan induk kepada ribuan bahasa dan dialek di lingkungan alam Melayu yang luas ini. Sesungguhnya bahasa Formosa di pulau ini memainkan peranan penting dalam kajian linguistik sejarawi, terutamanya pembahasan tentang teori tanah asal Austronesia. Meskipun kini telah wujud berbagai teori yang baru, namun teori ini tetap dipegang oleh sarjana dengan kewajaran bahawa kawasan yang berdiversiti dari segi rumpun cabang bahasa layak dipertimbangkan sebagai tanah asal sesuatu bahasa. Sesungguhnya, khazanah bahasa di pulau ini berada dalam tahap yang “kritikal” dan “pupus” kalau mengikut indikator *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* yang dibina oleh Lewis & Simons (2010). Contohnya pada tahun 1897, sarjana Jepun, Yoshinori masih berhasil mengumpulkan 150 kata Taokas dari suku Taokas, namun pada tahun 1931, sarjana Jepun yang lain, Miyamoto cuma mampu mengumpulkan 50 kata Taokas saja. Dapat dikatakan bahawa dalam masa kira-kira 30 tahun, satu pertiga daripada bahasa tersebut telah hilang daripada ingatan penutur asli Taokas (Li 1997). Secara keseluruhannya, sinifikasi merupakan penyebab kepupusan dan kepunahan bahasa Formosa di Taiwan. Ini paling ketara berlaku pada suku Austronesia dataran jika berbanding dengan suku pergunungan. Dengan itu, banyak bahasa Formosa suku dataran sudah tidak dapat ditelusuri lagi. Gejala kepupusan ini akan disusuli dengan bahasa suku pergunungan kerana generasi muda sekarang semakin meminggirkan bahasa ibunda mereka. Mungkin pada abad ke-21 ini,

banyak bahasa mereka telah pun pupus, namun sayangnya tiada statistik yang menunjukkan status terkini penutur bahasa Formosa di pulau ini.

RUJUKAN

- Bellwood, P. 1991. The Austronesian Dispersal and the Origin of Languages. *Scientific American*, 265(1): 88-93.
- Blust, R.A. 2013. *The Austronesian Languages*. Canberra: Australian National University.
- Chen, C.L. 1972. History of Chinese Immigration Into Taiwan. *Bulletin of the Institute of Ethnology* 33 (Part 4): 119-133.
- Dyen, I. 1956. Language Distribution and Migration Theory. *Language* 32: 611-626
- Dyen, I. 1971. The Austronesian Languages of Formosa. Dlm. Sebeok, T.A. (ed). *Current Trends in Linguistics* (Vol. 8), hlm. 168-199. The Hague: Mouton.
- Friedman, P.K. 2005. Learning “Local” Languages: Passive Revolution, Language Markets, and Aborigine Education In Taiwan. Tesis PhD, Temple University.
- Himmelman, N.P & Adelaar, K.A. (ed.). 2013. *The Austronesian Languages of Asia and Madagascar*. London and New York: Routledge.
- Hong, Z.P. 洪志彭 & Zheng, X.N 郑贤女. 1989. 台湾原住民乡土暨母语教材实施成就之研究——以昇南族为例 [Tinjauan keberkesanan pengajaran bahasa pribumi di Taiwan: Kes suku Puyuma]. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 第二届台湾原住民访问研究者期末发表会 [Persidangan Kajian Suku Pribumi di Taiwan]. Anjuran Academia Sinica, Taipei. 22 Jun. [Dalam bahasa Mandarin]
- Lewis, M.P. & Simons, G.F. 2010. Assessing Endangerment: Expanding Fishman's Gids. Pautan: <https://www.semanticscholar.org/paper/ASSESSING-ENDANGERMENT%3A-EXPANDING-FISHMAN'S-GIDS-Lewis-Simons/814884cabb0e9d7d85641b50a6f7aea4333cdc57>. [11 Mei 2022].
- Li, J.K. 1982. Linguistic Variations of Different Age Groups in The Atayalic Dialects. Kertas kerja yang dibentangkan di XIIIth international Congress of Linguistics, Tokyo. 29 Ogos – 4 Sept.
- Li, J.K. 1989. 兰屿雅美语的维护与发展 [Perkembangan dan Pemertahanan Bahasa Yami di Pulau Orchid]. *Newsletter of Chinese Ethnology 中国民族学通讯* . No. 26: 28-31. [Dalam bahasa Mandarin]
- Li, J.K. 1997. 一百年来平埔族语言的演变. Makalah yang dibentangkan dalam 台湾原住民历史文化学术研讨会 (Persidangan Sejarah dan Kebudayaan Suku Pribumi di Taiwan), hlm. 1-18 。 Anjuran 行政院原住民委员会 · 行政院文化建设委员会 · 台湾省文献委员会 。 16-17 Mei.
- Li, J.K. 2000. Formosan Languages: The State of Art. Dlm. Blundell, D. (ed.). *Austronesian Taiwan: Languages, History, Ethnology and Prehistory*, hlm. 45-67. Berkeley: University of California.
- Li, J.K. 2004a. Formosan Languages: The State of Art. Dlm. Li, J.K. (ed.). *Selected Papers on Formosan Languages*, Volume 1., hlm. 1-48. Language and Linguistics Monograph Series Number C3. Nankang: Academia Sinica.
- Li, J.K. 2004b. 台湾南岛语言 (Formosan languages). Dlm. Li, J.K. 2004 (ed.). *Selected Papers on Formosan Languages*, Volume 2., hlm. 49-66. Language and Linguistics Monograph Series Number C3. Nankang: Academia Sinica. [Dalam bahasa Mandarin].
- Ling, X.C. 林修澈. 1997. 改名换姓——从户籍簿所见的赛夏族改姓名 (Pertukaran Nama suku Saisiyat—Sorotan dari Buku Salasilah Keluarga). Makalah yang dibentangkan dalam 台湾原住民历史文化学术研讨会 (Persidangan Sejarah dan Kebudayaan Suku Pribumi di Taiwan). Anjuran 行政院原住民委员会 · 行政院文化建设委员会 · 台湾省文献委员会 。 16-17 Mei. [Dalam bahasa Mandarin].
- Murakami, N. 1933. *Sinkan Manuscript*. Taihoku: Taihoku Teikoku Daigaku Bunseigakubu.

- Tsuchida, S. 1991. 平埔族各语言研究琐记 (上). [Catatan Penelitian Bahasa-bahasa Suku Dataran: Bahagian I]. Terj. Wong, X.M. 黄秀敏. *台湾史田野研究通讯* *Newsletter of Taiwan History Field Research*. Vol. 22: 9-21. [Dalam bahasa Mandarin].
- Tsuchida, S. 1992. 平埔族各语言研究琐记 (下). [Catatan Penelitian Bahasa-bahasa Suku Dataran: II]. Terj. Wong Xiu Ming 黄秀敏. *台湾史田野研究通讯* *Newsletter of Taiwan History Field Research*. Vol. 23: 26-42. [Dalam bahasa Mandarin].
- Tsuchida, S. 2000. Japanese Contributions of the Studies of the Formosan Indigenous Languages: The State of Art. Dlm. Blundell, D. (ed.). *Austronesian Taiwan: Languages, History, Ethnology and Prehistory*, hlm. 68-98. Berkeley: University of California.
- Wolfram, W. 2000. Language Death and Dying. Dlm. Chambers, J.K. et al. (eds.). *The Handbook of Language Variation and Change*, hlm. 764-787. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Yie, C.R. 叶春荣. 1999. 西拉雅平埔族的宗教变迁 (Perubahan Keagamaan Suku Siraya). Prosiding dalam International Conference on the Formosan Indigenous Peoples, hlm. 1-25. Anjuran Institut Etnologi, Academia Sinica. 1-3 Mei [Dalam bahasa Mandarin].
- Zhang, S.N. 张善楠 1996. 台湾地区原住民成年人母语学习的经验分析—兼论社会结构·社会情境和语言学习 [Pembelajaran Bahasa Ibunda Suku Pribumi Golongan Dewasa di Taiwan: Satu Analisis Struktur dan Keadaan Sosial, Pembelajaran Bahasa]. *原住民教育季刊* [Majalah Pendidikan Suku Pribumi]. Vol. 2: 79-91. [Dalam bahasa Mandarin]
- Zhang, S.N. 张善楠 1998. 台湾地区劳工原住民的母语学习经验分析 [Pembelajaran Bahasa Ibunda Suku Pribumi Golongan Buruh di Taiwan: Satu Analisis]. *原住民教育季刊* [Majalah Pendidikan Suku Pribumi]. Vol. 11: 31-49. [Dalam bahasa Mandarin].

Chong Shin, (Ph.D)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Email: chongshin@ukm.edu.my

Diserahkan: 21 Julai 2022

Diterima: 19 Ogos 2022

Diterbitkan: 31 Disember 2022

¹ Selepas Taiwan ditawan oleh Zheng Cheng Kung pada tahun 1661, terdapat suku Siraya yang meninggalkan agama Protestan dan menganuti kepercayaan animisme kembali, iaitu menyembah berhala. Tatacara upacara keagamaan mereka mula diubahsuai mengikut kepercayaan suku Cina (Yie 1999).

² Antara marga yang dianugerahi oleh Maharaja Ching kepada mereka ialah Pang 潘, Cheng 陈, Liu 刘, Dai 戴, Li 李, Wang 王, Qian 钱, Man 蛮, Ling 林 dan sebagainya (Ling 1997).

³ Kesemua data kosa kata ini disusun dari terbitan Li (2004a dan 2004b). Variasi bahasa Formosa yang berkenaan akan ditandakan dalam bentuk kurungan dan makna semantik ditandakan dalam tanda petik.

⁴ Oleh kerana tiada data tentang bahasa Paiwan dan Bunun, maka data tersebut tidak dipaparkan dalam jadual ini.

⁵ Menurut Halle (1964 dlm Li 1981): “*since every child construct his own optimal grammar by induction from the utterances to which he has been exposed, it is not necessary that the child and his parents have identical grammars, for...a given set of utterance can be generated by more than one grammar...I should therefore postulate that the adult, who of necessity is maximally conservatives, would have a more complex grammars with the simpler rule. It is clear that such discontinuities in the grammars of successive generations must exercise a profound influence on the further evolution of the language*”.